

# 'Majlis Raja-Raja, Peguam Negara pun pertikai jumlah SD'

Oleh FITRI NIZAM dan  
MAISARAH SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menempelak Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana masih menjaja mempunyai sokongan 115 ahli Parlimen menerusi Akuan Bersumpah (SD) sedangkan jumlah diujanya itu turut dipertikai Majlis Raja-Raja dan Peguam Negara ketika itu.

Perdana Menteri berkata, dalam soal SD diperoleh Muhyiddin itu, terdapat pertindihan membabitkan ahli Parlimen yang menurunkan tandatangan ke atas dokumen tersebut.

"Setakat yang saya faham diikuti pandangan raja-raja dan Peguam Negara pada masa itu yang dilantik oleh Tan Sri Muhyiddin, mengatakan jumlah itu dipertikai, maka diserahkan pada budi bicara Yang di-Pertuan Agong, itu kenyataan, jelas," katanya selepas menjamu selera di Gertak Merah di Kampung Sungai Penchala, di sini, semalam.

Peguam Negara ketika kemelut pelantikan Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) ialah Tan Sri Idrus Harun.

Perdana Menteri berkata, beliau sebelum ini mengelak menjawab isu sokongan 115 SD terhadap Muhyiddin namun Presiden Parti Bersatu Pribumi Malaysia (Bersatu) itu terus menjajanya dan ia mengelirukan.

"Yang di-Pertuan Agong ini (kuasanya) tertakluk kepada Perlembagaan apabila kedudukan tidak jelas kerana Tan Sri Muhyiddin kata ada 115 (SD), Anwar pun kata ada 115 (SD), jadi Tuanku terpaksa buka balik dan semak (Perlembagaan) untuk menyakinkan dirinya.

"Sebab itu dalam Perlemba-



**ANWAR** Ibrahim beramah mesra dengan jemaah semasa hadir menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Hidayah, Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ILHAM ZAKARIA

gaan dikatakan mengikut pandangan Tuanku setelah melihat semua. Maka selepas itu, Tuanku memanggil sidang Majlis Raja-Raja untuk berbincang dan keputusan itu dikemukakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau enggan menjawab isu 115 SD diperoleh Ahli Parlimen Paghoh itu sebelum ini kerana tidak melihatnya sebagai satu isu.

"Masalah dia apa, masalah dia adalah kenyataan yang ditafsir sebagai menghina dan mempertikai kuasa raja, itu dia.

"Kalau betul beliau bawa 115, tetapi Tuanku lihat ada ahli Parlimen sudah turunkan tandatangan sini, pada masa sama

di sini juga (ada tandatangan), kemudian ada parti di mana ahli Parlimen dah beri mandat penuh kepada ketua parti untuk membuat keputusan dan ia mutlak, tak boleh dipertikai," katanya.

Terdahulu, Muhyiddin dilaporkan menyerahkan beberapa dokumen kepada polis bagi membantu siasatan berhubung isu beliau menyentuh institusi raja semasa berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri.

Antara dokumen diserahkan ialah surat daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat bertarikh 20 November 2022, mengandungi titah perintah Yang di-Pertuan Agong Ke-16 yang meminta ahli

Dewan Rakyat mendapat sokongan majoriti untuk menjadi Perdana Menteri.

Sementara itu, ketika ditemui selepas menyampaikan amanat kepada warga penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Putrajaya, Anwar berkata, beliau tidak akan mencampuri urusan siasatan terhadap Muhyiddin berhubung isu bekas Perdana Menteri itu menyentuh institusi raja semasa berkempen pada PRK DUN Nenggiri.

Sebaliknya, Perdana Menteri memberi jaminan untuk mengikut jalur undang-undang dan menyerahkan siasatan berkenaan kepada Peguam Negara.